

Ucapan : ADHO
5/14
138/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia
di-upachara Pembukaan Rasmi Sekolah
Menengah Kerajaan, Julau Bahagian Ketiga,
Sarawak pada 22hb Mach, 1972 pukul 4.00
petang

Kerajaan mendapati perlu untok menubuhkan
sa-buah sekolah menengah Kerajaan bagi meringankan
beban Sekolah Menengah Dato' Haji Abdul Rahman Ya'akub
di-Kanowit dengan memenohi kehendak2 pelajaran
menengah rendah bagi penuntut2 pilehan yang tinggal
di-kawasan2 Ulu Kanowit dan Ulu Julau.

2. Oleh itu penubohan sekolah2 menengah
saperti itu selalu menghadapi masalah2 teknik di-
samping jumlah wang yang banyak akan di-belanjakan
untok pembenaan, penyelenggaraan dan menjalankannya.
Kerajaan telah pun membelanjakan sabanyak
\$900,000/- bagi kemudahan2 sekolah ini yang ada
sekarang dan bilangan penuntut2-nya sekarang ber-
jumlah hanya lebeh kurang 135 orang. Sudah tentu
banyak lagi wang terpaksa di-belanjakan ka-atas

sekolah ini pada masa yang akan datang supaya kemudahan2 yang lebeh baik dapat di-adakan sejajar dengan bilangan penuntut yang kian bertambah.

3. Ada-lah menjadi hasrat dan dasar Kerajaan untok terus memperluaskan Rancangan Pelajaran menengah-nya supaya dapat mengadakan lebeh banyak peluang terutama sekali bagi mereka di-kawasan2 luar bandar. Dengan chara ini mereka boleh melengkapkan diri dengan pelajaran menengah yang bermutu tinggi supaya mereka lebeh bersedia untok menjalankan kehidupan yang lebeh berguna dan sempurna dalam masharakat kita yang sedang berubah dengan pesat-nya.

4. Walau pun banyak wang terpaksa di-belanjakan untok mengadakan kemudahan2 mengajar, bermain dan kemudahan2 tempat tinggal, Kerajaan maseh meneruskan usaha2-nya menggesa ibu bapa supaya menghantar anak2 mereka ka-sekolah. Untok membalas usaha2 Kerajaan ini saya rasa tidak-lah begitu berat bagi saya untok meminta semua ibu bapa dan murid2 supaya memainkan peranan2 mereka yang sepatut-nya ia-itu ibu bapa hendak-lah memberi sumbangan sabberapa banyak yang boleh terhadap perbelanjaan mengajar dan tempat tinggal anak2 mereka dan murid2 pula hendak-lah belajar dengan bersungguh2 supaya boleh menggunakan peluang yang ada sekarang dengan sapenoh-nya. Selalu-

nya peluang2 seperti ini tidak di-gunakan dengan sebaik2-nya oleh setengah murid2 dan ini sangat-lah menyedehkan dan sikap seperti itu hendak-lah di-perbetulkan dengan sachepat mungkin. Kita semua hendak-lah menghargai peluang2 ini oleh kerana ia-nya akan menolong kanak2 kita menchapai kejayaan dalam kehidupan.

5. Saya ingin menyatakan di-sini bahawa pelajaran bukan-lah semata2 merupakan satu chara untuk mendapatkan pekerjaan2 di-pejabat. Pelajaran ia-lah merupakan satu penanaman modal atau "investment" dalam tenaga manusia dan oleh yang demikian ia-nya hendak-lah di-gunakan supaya dapat memberi sumbangan ka-arrah memperkayakan dan memajukan negara kita. Oleh yang demikian kita jangan-lah lupa bahawa Sarawak mempunyai banyak tenaga2 yang berkebolehan dalam bidang pertanian dan pada masa ini lebeh kurang 80 peratus daripada penduduk-nya terlibat dalam kerja2 pertanian.

6. Saya sukachita di-beritahu dan dengan memberi kehormatan kepada Menteri/Pengarah Pertanian bahawa komplek yang berhampiran ia-lah Pusat Latihan Pertanian Kementerian/Jabatan Pertanian di-mana kursus2 mengenai perusahaan pertanian akan di-adakan mulai daripada bulan Januari tahun hadapan. Jabatan

Pelajaran dan Kementerian saya menyeru sekolah2 supaya menitek-beratkan lapangan ekonomi ini baik di-bilek darjah mahu pun dalam kegiatan2 mereka di-luar bilek darjah. Saya ingin menyatakan di-sini bahawa guru2 dan murid2 sekolah ini sangat-lah bernasib baik jika kamu semua merebut apa sahaja peluang2 yang di-berikan oleh pusat ini.

7. Saya sungguh gembira melihat kejayaan akademik di-sekolah ini dalam tahun 1971. Dari 28 calon yang mengambil peperiksaan Sarawak Junior Certificate:-

4	mendapat	Bahagian	I
11	"	"	II
6	"	"	III
7	mendapat	Kenyataan	Penchapaian (Statements of Attainment)

8. Ada-lah juga di-perhatikan bahawa Bahasa Malaysia sedang di-ajar di-sekolah ini dengan giat-nya. Ini ada-lah sangat menggembirakan dan menggalakkan. Bahasa Malaysia ia-lah Bahasa Kebangsaan kita dan melalui penggunaan-nya dalam segala aspek kegiatan dan usaha2, kita akan berjaya memujudkan sebuah negara Malaysia yang tegoh dan bersatu padu. Ada-lah menjadi tugas tuan2 sebagai wargenegara yang taat setia dan bertanggung-jawab dan ada-lah menjadi tanggung-jawab

semua raayat Malaysia bukan sahaja untuk memajukan penggunaan Bahasa Malaysia yang lebih luas tetapi juga untuk menchapai kemahiran dalam Bahasa Malaysia. Ini tidak bermakna bahawa tuan2 semua tidak boleh mempelajari Bahasa tuan2 sendiri atau lain2 bahasa. Tetapi Bahasa Malaysia ia-lah Bahasa Kebangsaan dan bahasa boleh dan akan menyatu-padukan semua raayat di-negara ini. Oleh yang demikian ada-lah penting kita sebagai raayat Malaysia memberikan segala perhatian yang sewajar-nya di-atas usaha ini.



9. Dengan ada-nya tenaga dan semangat daripada guru besar, guru2 dan murid2, sekolah ini boleh memainkan satu peranan penting menunjukkan kepada masharakat di-sekeliling mereka apa-kah nilai pelajaran yang sa-benar-nya ia-itu melalui-nya kita dapat mengeluarkan warganegara yang taat-setia dan mereka lah pula yang dapat memberikan sumbangan kepada kema'amoran negeri mereka keselurohan-nya di-sebabkan oleh usaha, kerja kuat dan perasaan muhibbah yang ada pada mereka.

10. Murid2 sakalian di-beri segala peluang untuk memperbaiki diri sendiri. Sekolah ini mempunyai kemudahan2 pelajaran bagi murid2 memperkembangkan minat mereka dan melanjutkan pelajaran. Guru2 juga di-adakan untuk membimbing murid2 semua menyediakan

diri untuk mendapat pelajaran sa-umor hidup dan menolong murid2 semua mengetahui nilai2 sosial supaya dapat memberi sumbangan kepada masharakat Malaysia yang berasaskan kepada lima prinsip Rukun Negara. Apa yang di-kehendaki oleh Kerajaan, guru2 dan ibu bapa ada-lah kemajuan yang memuaskan di-kalangan murid2 sendiri. Murid2 semua boleh menchapai kemajuan ini jika murid2 sendiri berusaha dengan bersungguh2 mulai dari sekarang hingga-lah berhenti sekolah supaya boleh mengambil tempat2 yang sewajar-nya dalam masharakat.

11. Kejayaan murid2 akan mengharumkan nama sekolah ini dan begitu juga kegagalan murid2 akan menjatuhkan nama baik sekolah ini. Saya menyeru supaya murid2 semua berusaha dan menjadikan sekolah ini sebagai satu Pusat Pelajaran yang patut di-banggakan. Dengan itu sekolah ini akan dapat memenohi chita2 masharakat di-sekitar tempat ini.

12. Tuan2 dan Puan2 saya dengan segala sukachita-nya merasmikan Pembukaan Sekolah Menengah Kerajaan, Julau dan mendo'akan kejayaan pada masa2 yang akan datang.



ditu untuk mendapat pelajaran sa-snor hidup dan
 menolong untuk semua mengetahui nilai sosial upaya
 dapat memberi sumbangan kepada masyarakat Malaysia
 yang beranggapan kepada lima prinsip Rukun Negara. Apa
 yang di-hendaki oleh Kerajaan, guru dan ibu bapa
 sebagai kemajuan yang memajukan di-kalangan murid
 sendiri. Untuk semua boleh mendapat kemajuan ini
 jika murid sendiri berkesan dengan bertanggung mulai
 dari sekarang hingga-lah berhenti sekolah supaya boleh
 mengambil tempat yang sewajarnya dalam masyarakat.

11. Kerajaan murid akan memperhatikan nama sekolah
 ini dan begitu juga kegiatan murid akan dijalankan
 nama baik sekolah ini. Gaya penyertaannya murid
 semua berkesan dan menjadikan sekolah ini sebagai satu
 pusat pelajaran yang patut di-banggakan. Dengan itu
 sekolah ini akan dapat meneliti setiap masyarakat
 di-ekster tempat ini.

12. Tuan dan Puan saya dengan se-
 nya memajukan Pendidikan Sekolah Menengah
 dan akan memberi perhatian pada masa
 datang.



No. Siri 94
No. Penerimaan 94/80